

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang 1987/88

RME 458 - Pengurusan Harta

Tarikh: 13 April 1988

Masa: 9.00 pagi - 12.00 tengahari

(3 jam)

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab LIMA soalan sahaja dan tidak lebih.

1. Pasaran harta ialah pasaran yang tidak sempurna. Bincangkan faktor-faktor yang menyebabkan pasaran harta itu tidak sempurna dan berikan contoh untuk menyokong kenyataan anda.

( 20 markah )

2. (i) Bincangkan kepentingan pengetahuan tentang pasaran harta kepada pengurus harta.

(ii) Nyatakan keadaan serta faktor-faktor yang mempengaruhi perbezaan membuat keputusan di dalam pengurusan harta.

( 20 markah )

3. Perjanjian pajakan terbahagi kepada beberapa bahagian yang mesti diperuntukkan supaya perjanjian itu lengkap. Senaraikan kesemua bahagian ini dan huraikan kandungannya sekali.

( 20 markah )

4. Beri takrifan serta contoh untuk ungkapan berikut:-

- (i) Isemen
- (ii) Kriteria Maksimaks dan Minimaks
- (iii) Senggaraan yang boleh dielakkan
- (iv) Kos Kitar Hayat

( 20 markah )

5. Bincangkan faktor-faktor yang mesti dipertimbangkan ketika di dalam proses rekabentuk untuk memudahkan dan mengurangkan kos senggaraan masa depan.

( 20 markah )

6. Piawaian senggaraan adalah faktor utama yang menentukan beban kerja. Huraikan proses penentuan piawaian senggaraan ini dan implikasi terhadap kos.

( 20 markah )

7. (i) Senaraikan punca utama keburukan di dalam bangunan.

(ii) Nyatakan kebaikan penggunaan buruh langsung di dalam perlaksanaan kerja-kerja senggaraan.

( 20 markah )